



13 Ogos 2012
13 August 2012
P.U. (A) 256

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (LESEN UNTUK MENGIMPORT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

FEED (LICENCE TO IMPORT FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN
(LESEN UNTUK MENGIMPORT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN
MAKANAN HAIWAN) 2012

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran
3. Permohonan bagi lesen
4. Butir lanjut, dsb.
5. Pemeriksaan tapak
6. Pengeluaran lesen
7. Keengganan untuk mengeluarkan lesen
8. Pembaharuan lesen
9. Salinan pendua lesen
10. Perubahan maklumat atau butir-butir
11. Penyenggaraan rekod
12. Penalti
13. Fi
14. Borang
15. Peruntukan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN
(LESEN UNTUK MENGIMPORT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN
MAKANAN HAIWAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 53(2)(b) dan (c) Akta Makanan Haiwan 2009 [*Akta 698*], Menteri, setelah berunding dengan Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Lesen untuk Mengimport Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012**.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pintu masuk” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [*Akta 728*].

Permohonan bagi lesen

3. (1) Tiada seorang pun boleh mengimport apa-apa makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan, (termasuklah pengimportan dari Sabah dan Sarawak) melainkan orang itu memegang suatu lesen yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga.

(2) Suatu permohonan bagi lesen di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam Borang 1.

(3) Jika Lembaga meluluskan permohonan bagi lesen di bawah subperaturan (2), fi yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah kena dibayar.

Butir lanjut, dsb.

4. Pada bila-bila masa selepas menerima permohonan bagi lesen di bawah peraturan 3, Lembaga boleh, jika Lembaga menghendaki butir-butir lanjut, maklumat atau dokumen lain untuk membolehkan Lembaga mempertimbangkan permohonan itu secara adil, menghendaki pemohon itu—

(a) membekalkan butir-butir, maklumat atau dokumen itu; atau

(b) mematuhi apa-apa kehendak lain yang boleh ditentukan oleh Lembaga.

Pemeriksaan tapak

5. Pada bila-bila masa selepas menerima permohonan yang dibuat di bawah peraturan 3, seseorang pegawai diberi kuasa boleh menjalankan pemeriksaan tapak di mana-mana premis yang dinyatakan dalam permohonan tersebut.

Pengeluaran lesen

6. Apabila diluluskan permohonan yang dibuat di bawah peraturan 3, Lembaga hendaklah mengeluarkan lesen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua, tertakluk kepada terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh Lembaga.

Keengganan untuk mengeluarkan lesen

7. Lembaga tidak boleh mengeluarkan suatu lesen untuk mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan jika—

(a) negara asal yang darinya makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan itu akan diimport tidak diketahui;

(b) spesifikasi makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan itu tidak diperuntukkan atau tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan;

(c) Lembaga mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang

akan diimport itu tercemar atau berkemungkinan membawa penyakit dan menyebabkan kesihatan haiwan atau manusia terjejas; atau

- (d) mana-mana lesen atau perakuan lain yang perlu bagi pengimportan sebagaimana yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain tidak diperoleh.

Pembaharuan lesen

8. (1) Pemegang lesen boleh memohon untuk memperbaharui lesen untuk mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan kepada Lembaga dalam Borang 2.

(2) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat pada atau sebelum 1 Disember setiap tahun.

(3) Jika Lembaga meluluskan permohonan bagi pembaharuan lesen di bawah subperaturan (2), fi yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah kena dibayar.

(4) Jika pemegang lesen gagal untuk membuat permohonan untuk memperbaharui lesen dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam subperaturan (2), pemegang lesen hendaklah membuat permohonan kepada Lembaga dalam Borang 2.

(5) Jika Lembaga meluluskan permohonan lewat bagi pembaharuan lesen di bawah subperaturan (4), fi yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah kena dibayar.

(6) Lembaga boleh, apabila meluluskan pembaharuan lesen, mengenakan apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

Salinan pendua lesen

9. (1) Jika lesen hilang, musnah atau cacat, pemegang lesen hendaklah membuat laporan kepada Lembaga berkenaan dengan kehilangan, kemusnahan atau kecacatan itu.

(2) Pemegang lesen hendaklah membuat suatu permohonan bagi salinan pendua lesen yang hilang, rosak atau musnah itu dalam Borang 5.

(3) Jika Lembaga meluluskan permohonan bagi salinan pendua lesen yang hilang, rosak atau musnah di bawah subperaturan (2), fi yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah kena dibayar.

(4) Lembaga boleh menghendaki pemohon untuk mengemukakan butir-butir lanjut, maklumat atau dokumen lain sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud permohonan itu.

(5) Jika Lembaga berpuas hati bahawa kehilangan, kemusnahan atau kecacatan lesen itu tidak melibatkan apa-apa fraud, Lembaga akan mengeluarkan lesen dalam bentuk yang sama seperti yang asal tetapi dengan perkataan "SALINAN PENDUA" ditandai pada lesen itu.

(6) Lesen pendua yang dikeluarkan di bawah subperaturan (4) hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti lesen yang asal.

Perubahan maklumat atau butir-butir

10. (1) Pemegang lesen hendaklah, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh perubahan dalam apa-apa maklumat atau butir-butir dalam lesen, memaklumkan Lembaga secara bertulis tentang perubahan itu.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), pemegang lesen hendaklah menyerahhak lesennya kepada Lembaga untuk meminda maklumat atau butir-butir.

(3) Jika Lembaga meluluskan perubahan dalam apa-apa maklumat atau butir-butir dalam lesen, fi yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah kena dibayar.

Penyenggaraan rekod

11. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah, menyenggara rekod pengimportan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan sebagaimana yang ditetapkan dalam Borang 3 dan Borang 4, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Penalti

12. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Fi

13. (1) Apa-apa fi yang perlu dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

(2) Fi hendaklah dibayar kepada Lembaga dalam bentuk dan mengikut cara yang diarahkan oleh Lembaga.

(3) Fi yang dibayar tidak boleh dibayar balik.

Borang

14. Borang yang disebut dalam Peraturan-Peraturan ini adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Peruntukan peralihan

15. (1) Mana-mana orang yang, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, sedang mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan dan berhasrat untuk terus mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan hendaklah, dalam tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat

kuasa Peraturan-Peraturan ini, memohon untuk mendapatkan lesen di bawah peraturan 3.

(2) Apabila menerima suatu permohonan di bawah subperaturan (1), Lembaga hendaklah mengeluarkan pengakuteraan kepada orang itu.

(3) Apabila suatu permohonan untuk mendapatkan lesen ditolak, Lembaga hendaklah menghantar suatu notis kepada pemohon memberitahu pemohon mengenai penolakan itu dan notis itu hendaklah juga mengarahkan pemohon untuk memberhentikan pengimportan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(4) Mana-mana orang yang disebut dalam subperaturan (1) yang terkilan dengan keputusan Lembaga untuk enggan mengeluarkan lesen bagi mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan boleh merayu kepada Menteri dengan cara yang ditetapkan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keengganan tersebut.

(5) Mana-mana orang yang disebut dalam subperaturan (1) boleh terus menjalankan aktiviti pengimportan itu sementara menunggu penentuan permohonanannya untuk mendapatkan lesen atau rayuannya kepada Menteri.

JADUAL PERTAMA

BAMH 53(2)(b)(c)01

BORANG 1
[subperaturan 3(2)]

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (LESEN UNTUK MENGIMPORT
MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012PERMOHONAN LESEN UNTUK MENGIMPORT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN
TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN

Pengerusi, Lembaga Makanan Haiwan

Butir-butir Pengimport:	
Nama: (Sila masukkan nama dalam huruf besar)	
Nombor KP: (Sila lampirkan salinan)	
Jawatan:	
Alamat surat-menyurat:	
No. Telefon:	
No. Faks:	
Alamat E-mel:	
Nama Syarikat & No. Pendaftaran: (Sila lampirkan salinan #MAA)	
Alamat Perniagaan:	
No. Telefon:	
No. Faks:	
Alamat E-mel:	
Nombor Lesen Sebelum ini*:	
Nama pintu masuk:	

Mengikut peruntukan seksyen 10 Akta Makanan Haiwan 2009, saya dengan ini memohon lesen untuk mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan seperti yang ditetapkan di bawah.

Bil.	Item	Negara Asal**	Kategori Makanan***	Kuantiti (m.t)	Tempat penyimpanan/stor (Alamat)

MAA (Memorandum dan Artikel Syarikat)

* untuk lesen pembaharuan

** Tidak melebihi 15 negara

*** (i) Bijirin (vi) Bahan kimia
 (ii) Bahan tambahan makanan haiwan (vii) Foraj
 (iii) Produk sampingan haiwan (viii) Hormon
 (iv) Produk sampingan pertanian (ix) Makanan Haiwan Terumus
 (v) Antibiotik

Dilampirkan di sini dan merupakan sebahagian daripada permohonan ini ialah penyata-penyata yang berikut:

- (i) penyata negara asal
- (ii) spesifikasi makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan (disahkan oleh pihak berkuasa yang kompeten)
- (iii) penyata pengilangan, pembungkusan dan pelabelan, dan yang berkenaan
- (iv) penyata pendaftaran item-item yang disebut sebagaimana yang diperlukan oleh Akta-akta lain yang berkaitan

 Tandatangan Pemohon

Tarikh: _____
 Cop Syarikat

BAMH 53(2)(b)(c)02

BORANG 2
[subperaturan 8(1), (4)]

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (LESEN UNTUK MENGIMPORT
MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

PEMBAHARUAN LESEN UNTUK MENGIMPORT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN
TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN

Pengerusi, Lembaga Makanan Haiwan

Butir-butir Pengimport:	
Nama: (Sila masukkan nama dalam huruf besar)	
Nombor KP: (Sila lampirkan salinan)	
Jawatan:	
Alamat surat-menyurat:	
No. Telefon:	
No. Faks:	
Alamat E-mel:	
Nama Syarikat & No. Pendaftaran: (Sila lampirkan salinan #MAA)	
Alamat Perniagaan:	
No. Telefon:	
No. Faks:	
Alamat E-mel:	
Nombor Lesen Sebelum ini*:	
Nama pintu masuk:	

Mengikut peruntukan seksyen 10 Akta Makanan Haiwan 2009, saya dengan ini memohon lesen untuk mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan seperti yang ditetapkan di bawah.

Bil.	Item	Negara Asal**	Kategori Makanan***	Kuantiti (m.t)	Tempat penyimpanan/stor (Alamat)

MAA (Memorandum dan Artikel Syarikat)

* untuk lesen pembaharuan

** Tidak melebihi 15 negara

*** (i) Bijirin (vi) Bahan kimia
 (ii) Bahan tambahan makanan haiwan (vii) Foraj
 (iii) Produk sampingan haiwan (viii) Hormon
 (iv) Produk sampingan pertanian (ix) Makanan Haiwan Terumus
 (v) Antibiotik

Dilampirkan di sini dan merupakan sebahagian daripada permohonan ini ialah penyata-penyata yang berikut:

- (i) penyata negara asal
- (ii) spesifikasi makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan (disahkan oleh pihak berkuasa yang kompeten)
- (iii) penyata pengilangan, pembungkusan dan pelabelan, dan yang berkenaan
- (iv) penyata pendaftaran item-item yang disebut sebagaimana yang diperlukan oleh Akta-akta lain yang berkaitan

 Tandatangan Pemohon

Tarikh: _____
 Cop Syarikat

BAMH 53(2)(b)(c)03

BORANG 3
[peraturan 11]

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (LESEN UNTUK MENGIMPORT
MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

REKOD PENGIMPORTAN MAKANAN HAIWAN

Nama pengimport:

Alamat:

.....

.....

.....

Nama dan alamat pengekspor	Item	Kuantiti diimport (kg)	No. Rujukan borang K1	Nama pintu masuk	Tandatangan pengimport

BAMH 53(2)(b)(c)04

BORANG 4
[peraturan 11]

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (LESEN UNTUK MENGIMPORT
MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

REKOD PENGIMPORTAN BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN

Nama pengimport:

Alamat:

.....

.....

.....

Nama dan alamat pengekspor	Item	Kuantiti diimport (kg)	No. Rujukan borang K1	Nama pintu masuk	Tandatangan pengimport

BORANG 5
[subperaturan 9(2)]

BAMH 53(2)(b)(c)05

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (LESEN UNTUK MENGIMPORT
MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

BORANG PERMOHONAN SALINAN PENDUA LESEN

Saya dengan ini membuat laporan kepada Lembaga dan memohon mendapatkan satu salinan pendua lesen untuk mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan kerana lesen asal telah:

☐ Hilang

☐ Cacat

☐ Musnah

Butir-butir Pengadu

Nama (Sila masukkan nama :
penuh dalam huruf besar) :

Nombor KP (Sila lampirkan :
salinan) :

Syarikat & Jawatan :

Alamat surat-menyurat :
:

Nombor Telefon : (Pejabat)..... (H/p).....

Alamat E-mel :

Butir-butir Pemegang Lesen

No. Lesen :

Tarikh luput Lesen :

Nama Syarikat & No. :

Pendaftaran (MAA)* :

Alamat Perniagaan :
:

Nombor Telefon :

No. Faks :

Alamat E-mel :

Tandatangan Pemohon

Tarikh: _____
Cop Syarikat

*MAA (Memorandum dan Artikel Syarikat)

JADUAL KEDUA
[peraturan 6]

SAMH 53(2)(b)(c)01

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (LESEN UNTUK MENGIMPORT
MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

LESEN

No. Lesen

LESEN MENGIMPORT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN
HAIWAN

Dengan ini lesen diberi kepada
dari
yang alamat perniagaannya ialah

.....
.....

melalui pintu masuk seperti di bawah—

- (1)
- (2)
- (3)
- (4)
- (5)
- (6)

untuk mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang
berikut:

.....
.....
.....
.....

tertakluk pada syarat-syarat yang ditetapkan di sebelah.
(Disambung di helaian lain yang dilampirkan dengan lesen ini)

Lesen ini adalah sah daripada 20.....
hingga20.....

Fi dibayar RM

Tarikh

.....
Pengerusi Lembaga Makanan Haiwan

No. Lesen Sebelum ini *

Tarikh dikeluarkan *

(Belakang Borang 1)

No.	Item	Negara Asal **	Kategori Makanan Haiwan***	Tempat penyimpanan/stor (Alamat)

* Untuk pembaharuan

** Tidak lebih daripada 15 buah Negara

*** (i) Bijirin (vi) Bahan kimia
 (ii) Bahan Tambahan Makanan Haiwan (vii) Foraj
 (iii) Produk sampingan haiwan (viii) Hormon
 (iv) Produk sampingan pertanian (ix) Makanan Haiwan terumus
 (v) Antibiotik

Terma dan Syarat

Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat-syarat yang dikenakan ke atas lesen oleh Lembaga.

Apa-apa pengimportan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan hanyalah bagi maksud yang diisytiharkan oleh Lembaga.

JADUAL KETIGA
[subperaturan 13(1)]

JAMH 53(2)(b)(c)01

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (LESEN UNTUK MENGIMPORT
MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

FI

No.	Peraturan	Tajuk	Fi (RM)
1.	3(3)	Lesen	600
2.	8(3)	Pembaharuan lesen yang sedia ada (pada atau sebelum 1 Disember setiap tahun)	500
3.	8(5)	Permohonan lewat bagi pembaharuan lesen yang sedia ada (selepas 1 Disember setiap tahun)	1,000
4.	9(3)	Salinan pendua lesen yang hilang, rosak atau musnah	100 setiap lesen
5.	10(3)	Lesen bagi perubahan maklumat dan butir-butir	50 setiap lesen

Dibuat 3 Ogos 2012
[KP/LA/483/20; PN(PU2)702/II]

DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

FEED ACT 2009

FEED (LICENCE TO IMPORT FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation
2. Interpretation
3. Application for licence
4. Further particulars, *etc.*
5. Site inspection
6. Issuance of licence
7. Refusal to issue licence
8. Renewal of licence
9. Duplicate licence
10. Change of information or particulars
11. Maintenance of records
12. Penalty
13. Fees
14. Forms
15. Transitional provisions

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

FEED ACT 2009

FEED (LICENCE TO IMPORT FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 53(2)(b) and (c) of the Feed Act 2009 [Act 698], the Minister, after consultation with the Board, makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Feed (Licence to Import Feed or Feed Additive) Regulations 2012**.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“entry point” has the same meaning assigned to it in the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 [Act 728].

Application for licence

3. (1) No person shall import, (including the importation from Sabah and Sarawak) any feed or feed additive unless that person holds a valid licence issued by the Board.

(2) An application for a licence under subregulation (1) shall be made to the Board in Form 1.

(3) Where the Board has approved the application of a licence under subregulation (2), the fees prescribed under these Regulations shall be payable.

Further particulars, etc.

4. At any time after receiving an application for a licence under regulation 3, the Board may, if the Board requires further particulars, other information or documents to enable the Board to fairly consider the application, require the applicant—

- (a) to supply the particulars, information or documents; or
- (b) to comply with such other requirement as may be determined by the Board.

Site inspection

5. At any time after receiving an application made under regulation 3, an authorized officer may conduct site inspection at any premises specified in that application.

Issuance of licence

6. Upon approval of an application made under regulation 3, the Board shall issue the licence as prescribed in the Second Schedule, subject to the terms and conditions which may be imposed by the Board.

Refusal to issue licence

7. The Board shall not issue a licence to import feed or feed additive if—
- (a) the country of origin from which the feed or feed additive is to be imported is unknown;
 - (b) the specification for the feed or feed additive is not provided or does not comply with the prescribed specifications;
 - (c) the Board has reasonable grounds to believe that the feed or feed additive to be imported is contaminated or is likely to convey diseases and cause ill-health to animals or humans; or
 - (d) any other licence or certificate necessary for importation as required under any other written law has not been obtained.

Renewal of licence

8. (1) A licensee may apply for a renewal of licence to import feed or feed additive to the Board in Form 2.

(2) An application made under subregulation (1) shall be made on or before 1 of December each year.

(3) Where the Board has approved the application for a renewal of licence under subregulation (2), the fees prescribed under these Regulations shall be payable.

(4) If a licensee fails to make the application for renewal within the time period stipulated in subregulation (2), the licensee shall make an application to the Board in Form 2.

(5) Where the Board has approved late application for a renewal of licence under subregulation (4), the fees prescribed under these Regulations shall be payable.

(6) The Board may, when approving the renewal of licence, impose any terms and conditions as it thinks fit.

Duplicate licence

9. (1) Where a licence is lost, destroyed or defaced, the licensee shall lodge a report to the Board in respect of the loss, destruction or defacement.

(2) The licensee shall make an application for the duplicate of the licence lost, destroyed or defaced in Form 5.

(3) Where the Board has approved the application for the duplicate of the licence lost, destroyed or defaced under subregulation (2), the fees prescribed under these Regulations shall be payable.

(4) The Board may require the applicant to submit further particulars, other information or documents as it consider necessary for the purpose of the application.

(5) If the Board is satisfied that the loss, destruction or defacement of a licence was not the result of any fraud, the Board may issue a replacement licence in the same form as the original but with the word “DUPLICATE” endorsed on the licence.

(6) The duplicate licence issued under subregulation (4) shall have the same effect as the original licence.

Change of information or particulars

10. (1) A licensee shall, within fourteen days of the occurrence of any change in any information or particulars in the licence, inform the Board in writing of the change.

(2) For the purpose of subregulation (1), the licensee shall surrender his licence to the Board to amend the information or particulars.

(3) Where the Board has approved any change in any information or particulars in the licence, the fees prescribed under these Regulations shall be payable.

Maintenance of records

11. Every licensee shall, maintain record of importation of feed or feed additive as prescribed in Form 3 and Form 4, as the case may be.

Penalty

12. Any person who contravenes any of the provisions of these Regulations commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding two years or both.

Fees

13. (1) Any fees payable under these Regulations shall be as specified in the Third Schedule.

(2) The fees shall be paid to the Board by such means and in such manner as the Board may direct.

- (3) The fees paid shall not be refundable.

Forms

14. The forms referred to in these Regulations are as prescribed in the First Schedule.

Transitional provisions

15. (1) Any person who, on the date of coming into operation of these Regulations, has been importing feed or feed additive and intends to continue importing feed or feed additive shall, within six months from the date of the coming into operation of these Regulations, apply for a registration under regulation 3.

(2) Upon receipt of an application under subregulation (1), the Board shall issue an acknowledgment of receipt to such person.

(3) Where an application for a licence is refused, the Board shall send a notice to the applicant notifying the applicant of the refusal and the notice shall also direct the applicant to cease to carry out the importation of feed or feed additive within the period specified in the notice.

(4) Any person referred to in subregulation (1) who is aggrieved by the decision of the Board in refusing to issue a licence to import feed or feed additive may appeal to the Minister in the prescribed manner within thirty days from the date of such refusal.

(5) Any person referred to in subregulation (1) may continue to undertake such importation activity pending determination of his application for a licence or of his appeal to the Minister.

FIRST SCHEDULE

FORM 1
[subregulation 3(2)]

BAMH 53(2)(b)(c)01

FEED ACT 2009

FEED (LICENCE TO IMPORT FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012

APPLICATION FOR LICENCE TO IMPORT FEED OR FEED ADDITIVES

Chairman, Feed Board

Details of importer:	
Name: (Please insert full name in capital letters)	
IC Number: (Please attach copy)	
Designation:	
Correspondence Address:	
Telephone No.:	
Fax No.:	
E-mail address:	
Company's Name & Registration No.: (Please attach copy of #MAA)	
Business Address:	
Telephone No.:	
Fax No.:	
E-mail address:	
Previous Licence Number*:	
Name of entry point:	

In accordance with the provision of section 10 of the Feed Act 2009, I hereby apply for a licence to import feed or feed additives as described below.

No.	Item	Country of origin **	Feed Category***	Quantity (m.t)	Place of storage/store (Address)

MAA (Memorandum and Article of Association)

* for renewal license

** Not more than 15 countries

*** (i) Grain (vi) Chemical
(ii) Feed additive (vii) Forage
(iii) Animal by product (viii) Hormone
(iv) Agriculture by product (ix) Formulated Feed
(v) Antibiotic

Attached hereto and constituting a part of this application are the following statements:

- (i) statement of country of origin
- (ii) feed and feed additives specification (endorsed by competent authority)
- (iii) statement of manufacturing, packaging and labelling, and where applicable
- (iv) statement of registration of the mentioned items as required by other related Acts

Signature of Applicant

Date: _____
Company stamp

FORM 2
[subregulation 8(1), (4)]

BAMH 53(2)(b)(c)02

FEED ACT 2009

FEED (LICENCE TO IMPORT FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012

RENEWAL FOR LICENCE TO IMPORT FEED OR FEED ADDITIVES

Chairman, Feed Board

Details of importer:	
Name: (Please insert full name in capital letters)	
IC Number: (Please attach copy)	
Designation:	
Correspondence Address:	
Telephone No.:	
Fax No.:	
E-mail address:	
Company's Name & Registration No.: (Please attach copy of #MAA)	
Business Address:	
Telephone No.:	
Fax No.:	
E-mail address:	
Previous Licence Number*:	
Name of entry point:	

In accordance with the provision of section 10 of the Feed Act 2009, I hereby apply for a licence to import feed or feed additives as described below.

No.	Item	Country of origin **	Feed Category***	Quantity (m.t)	Place of storage/store (Address)

MAA (Memorandum and Article of Association)

* for renewal license

** Not more than 15 countries

*** (i) Grain
 (ii) Feed additive
 (iii) Animal by product
 (iv) Agriculture by product
 (v) Antibiotic
 (vi) Chemical
 (vii) Forage
 (viii) Hormone
 (ix) Formulated Feed

Attached hereto and constituting a part of this application are the following statements:

- (i) statement of country of origin
- (ii) feed and feed additives specification (endorsed by competent authority)
- (iii) statement of manufacturing, packaging and labelling, and where applicable
- (iv) statement of registration of the mentioned items as required by other related Acts

 Signature of Applicant

Date: _____
 Company stamp

FORM 3
[regulation 11]

BAMH 53(2)(b)(c)03

FEED ACT 2009

FEED (LICENCE TO IMPORT FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012

RECORD OF IMPORTATION OF ANIMAL FEED

Name of importer:

Address:

.....

.....

.....

Name and address of exporter	Item	Quantity imported (kg)	K1 form reference No.	Name of entry point	Signature of importer

FORM 4
[regulation 11]

BAMH 53(2)(b)(c)04

FEED ACT 2009

FEED (LICENCE TO IMPORT FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012

RECORD OF IMPORTATION OF ANIMAL FEED ADDITIVE

Name of importer:

Address:

.....

.....

.....

Name and address of exporter	Item	Quantity imported (kg)	K1 form reference No.	Name of entry point	Signature of importer

FORM 5
[subregulation 9(2)]

BAMH 53(2)(b)(c)05

FEED ACT 2009

FEED (LICENCE TO IMPORT FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012

DUPLICATE LICENCE APPLICATION FORM

I hereby lodging a report to The Board and apply for a duplicate licence to import feed or feed additives due to original licence that is:

☐

Lost

☐

Defaced

☐

Destroyed

Details of Complainant

Name (Please insert full :
name in capital letters) :
IC Number (Please attach :
copy)

Company & Designation :

Correspondence Address :
.....
.....

Telephone number : (Office)..... (H/p).....

E-mail address :

Details of Licensee

Licence No. :

Expiry date of the Licence :

Company's Name & :

Registration No. (MAA)* :

Business Address :
.....
.....

Telephone Number :

Fax No. :

E-mail address :

Signature of Applicant

Date: _____

Company stamp

*MAA (Memorandum and Article of Association)

SECOND SCHEDULE
[regulation 6]

FEED ACT 2009

SAMH 53(2)(b)(c)01

FEED (LICENCE TO IMPORT FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012

LICENCE

Licence No.

LICENCE TO IMPORT FEED OR FEED ADDITIVE

Licence is hereby granted to.....
of
whose business address is.....
.....
.....

through entry point as below—

- (1)
- (2)
- (3)
- (4)
- (5)
- (6)

to import the following feed or feed additive:

.....
.....
.....
.....

subject to the conditions specified overleaf.
(Continued on another sheet attached to this licence)

This licence is valid from 20.....
to.....20.....

Fee paid RM

Date

.....
Chairman of Feed Board

Previous Licence No.*

Date of Issuance*

(Reverse of Form 1)

No.	Item	Country of Origin**	Feed Category***	Place of storage/store (Address)

* For renewal

** Not more than 15 countries

*** (i) Grain
(ii) Feed additive
(iii) Animal by product
(iv) Agriculture by product
(v) Antibiotic
(vi) Chemical
(vii) Forage
(viii) Hormone
(ix) Formulated feed

Terms and Conditions

The licensee shall abide by the conditions imposed on the licence by the Board.

Any importation of feed or feed additive is only for the purpose declared to the Board.

THIRD SCHEDULE
[subregulation 13(1)]

FEED ACT 2009

JAMH 53(2)(b)(c)01

FEED (LICENCE TO IMPORT FEED OR FEED ADDITIVE) REGULATIONS 2012

FEES

No.	Regulation	Title	Fees (RM)
1.	3(3)	Licence	600
2.	8(3)	Renewal of the existing licence (on or before 1 of December each year)	500
3.	8(5)	Late application for renewal of the existing licence (after 1 of December each year)	1,000
4.	9(3)	Duplicate of licence lost, defaced or destroyed	100 per licence
5.	10(3)	Licence for change of information and particulars	50 per licence

Made 3 August 2012
[KP/LA/483/20; PN(PU2)702/II]

DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
Minister of Agriculture and Agro-based Industry